



MAHKAMAH KUALA LUMPUR
Court of Kuala Lumpur

KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
Kuala Lumpur Courts Complex
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50506 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-6209 4000

Faks : 03-6209 4040

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my/kl>

TARIKH: 1 JULAI 2021

SEMUA YANG BERKENAAN,

OPERASI PERKHIDMATAN KAUNTER PENDAFTARAN MAHKAMAH KUALA LUMPUR DALAM TEMPOH FASA PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA

1. **SILA AMBIL MAKLUM** bahawa bermula **1 Julai 2021**, perkhidmatan kaunter di Mahkamah Kuala Lumpur **dibuka** untuk urusan-urusan yang memerlukan kehadiran fizikal.
2. Perkhidmatan kaunter hanya menerima urusan dan/atau pemfailan dokumen yang tidak boleh dilaksanakan secara atas talian ("non-e-filing documents) sahaja termasuk pengesahan suratcara mahkamah, pendaftaran dan pembatalan suratcara di Bahagian Surat Kuasa Wakil dan pemfailan suratcara melalui Kaunter Biro Servis.
3. Bagi kes-kes *e-filing*, surat-menyurat, pemfailan hujahan dan ikatan otoriti hendaklah difailkan secara sistem *e-filing* sahaja. Penghantaran dokumen fizikal di kaunter pendaftaran tidak akan diterima.
4. Manakala, bagi kes lama *non-e-filing*, surat-menyurat, pemfailan hujahan dan ikatan otoriti atau sebarang suratcara yang tidak melibatkan pembayaran fi mahkamah, hendaklah diserahkan secara emel kepada pegawai mengikut mahkamah masing-masing. Kaunter pendaftaran hanya akan menerima pemfailan suratcara non-e-filing yang melibatkan pembayaran fi mahkamah sahaja.
5. Semakan jadual kes hendaklah dibuat secara atas talian melalui pautan <https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/CauseList?cultureCode=ms>
6. Carian dokumen/minit prosiding hendaklah dibuat secara atas talian melalui pautan <https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/Ticket/Search2?cultureCode=ms> ("Carian Fail Online");
7. Sila buat bayaran fi carian terlebih dahulu hendaklah dibuat melalui pautan <https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/Ticket/Document?cultureCode=ms> (Pembelian Tiket untuk Carian Fail Online")

8. Sehubungan dengan itu, Notis Makluman yang dikeluarkan bertarikh 30 Jun 2021 adalah dibatalkan.

Sekian, harap maklum.

"PERIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

t. t.

(AHMAD KAMAR BIN JAMALUDIN)

Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur